



MEMPERKASAKAN JATI DIRI MELAYU-MUSLIM MENERUSI PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJARAN AKHLAK

(Strengthening Malay-Muslim Identity through Islamic Education and *Akhlaq* Teaching)

ABDUL HAFIZ MAT TUAH*; ZAKARIA STAPA; AHMAD MUNAWAR

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pengajaran akhlak amat penting dalam membangunkan modal bersifat fizikal. Masyarakat kini mula sedar kepentingan modal jati diri yang mampu membawa kemajuan dan kecemerlangan peradaban ummah. Ini bermakna, sistem Pendidikan Islam dapat memperkasakan jati diri Melayu muslim. Ini merupakan agenda utama bagi kebanyakan negara Islam termasuk Malaysia. Maka diakui bahawa Pendidikan Islam merupakan wadah terpenting bagi mencapai dan merealisasikan hal ini. Ini kerana sistem pengajaran akhlak yang lengkap dan teratur mampu menghasilkan rakyat yang berpengetahuan tinggi dan dapat menjaga jati diri mereka sebagai seorang Melayu muslim. Jati diri yang dilahirkan itu pula hendaklah mempunyai nilai kerohanian dan nilai etika yang mantap hasil daripada kesepadan jasmani, rohani, emosi dan intelek dalam Pendidikan Islam. Bagi pelajar Islam, mereka dididik dengan nilai akhlak menerusi mata pelajaran Pendidikan Islam. Namun usaha ini perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan memerlukan komitmen yang tinggi dari pelbagai pihak. Dengan itu, kita mengharapkan agar usaha memperkasakan jati diri melalui pengajaran akhlak dapat melahirkan masyarakat yang beriman, berkualiti dan cemerlang dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Hal ini bukan sahaja dapat menguntungkan diri sendiri bahkan kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, penulis akan membincangkan pengajaran akhlak dalam Pendidikan Islam dalam usaha memperkasakan jati diri Melayu muslim.

Kata Kunci: pengajaran akhlak, pendidikan Islam, jati diri Melayu muslim

*Corresponding author: Abdul Hafiz Mat Tuah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: syabab_ukm@yahoo.com.my

Diserahkan: 10 November 2011

Diterima: 10 Januari 2012

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-SP-03>

ABSTRACT

The moral teaching is very important in the development of the physical nature of capital. Communities are beginning to realize the importance of identity capital that can bring progress and excellence in a civilization of Muslim community. This means that, Islamic education system could empower the Muslim Malay identity. This is the main agenda for most countries, including Malaysia. Hence, Malaysia has acknowledged that Islamic education is the most important tool to empower the Muslim Malay identity. This is due to the complete system of moral teaching in Islam which able to produce a highly educated people who are able to keep their identity as a Malay Muslim. The identity formed need to have spiritual values and strong ethical values as a result of the integration of physical, spiritual, emotional and intellectual development in Islamic education. For Muslim students, they are taught the moral values of Islam through subjects on Islamic studies. But this effort requires a high commitment from all parties. Therefore, we hope that efforts to strengthen Malay muslim identity could create a society that is pious, and has an excellent personal quality in this life and the hereafter. This will not only benefit themselves, but also the community and the country. Therefore, the authors discuss the moral teaching of Islamic education in the efforts to strengthen the Malay Muslim identity.

Keyword: *moral teaching, Islamic education, Malay muslim identity*

PENDAHULUAN

Apabila menyebut jati diri, secara amnya kita akan menggambarkan hasil sesuatu yang melibatkan perilaku seseorang individu itu sendiri. Sesetengah pihak menyamakan jati diri dengan pembangunan insan. Jati diri ini pula perlu dilihat dari seluruh aspek manusia meliputi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Kesedaran masyarakat tentang memperkasakan jati diri memberi implikasi kepada usaha mempergiatkan lagi sistem pendidikan negara terutamanya berkaitan dengan Pendidikan Islam. Ini kerana, pendidikan merupakan alat terpenting untuk membangunkan potensi manusia dan seterusnya menghasilkan modal insan yang memenuhi ciri-ciri Islam dan meningkatkan peradaban ummah.

Pengajaran akhlak dari sudut Islam memperlihatkan suatu paradigma yang bersifat sepadu dan seimbang. Dalam Pendidikan Islam, pengajaran akhlak meliputi perkembangan manusia dari aspek rohani, emosi, jasmani dan intelek. Konsep yang bersepadu ini berpotensi untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia.

Oleh itu, bagi mencapai kejayaan sebenar pengajaran akhlak dalam memperkasakan jati diri Melayu muslim, fokus persepsi dan tindakan tidak seharusnya memberatkan jasmani sahaja malah pembangunan rohani dan akhlak seperti mana yang dituntut dalam Islam perlu turut dititikberatkan. Justeru, kepentingan Pendidikan Islam dalam pengajaran akhlak dalam kalangan remaja merupakan pemangkin tradisi ilmu dan seterusnya bakal memberi sumbangan kepada negara.

PENDIDIKAN AKHLAK DI MALAYSIA

Di Malaysia, persoalan pendidikan akhlak diberi perhatian terutamanya dalam sistem pendidikan kebangsaan. Untuk merealisasikan hasrat ini, maka pelajar Islam diwajibkan mengikuti Pendidikan Islam, manakala pelajar bukan Islam pula dikehendaki mengikuti Pendidikan Moral.

Secara umumnya, pendidikan bermaksud satu proses memelihara dan membangunkan manusia dari aspek jasmani, akal, bahasa, kelakuan, sosial dan agama yang difokuskan terhadap usaha mencapai kesempurnaan. Menurut Hassan Langgulung (1987) pendidikan ialah satu bentuk interaksi manusia. Ia adalah suatu tindakan sosial yang berlaku hasil jaringan hubungan kemanusiaan. Jaringan dan peranan individu dalam tindakan sosial ini akan membentuk watak pendidikan sesuatu bangsa.

Apabila diteliti maksud pendidikan itu sendiri, sebenarnya ia tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai akhlak dan moral. Justeru itu juga, dalam Islam, kalimah *ta'dib* merupakan antara istilah pendidikan yang digunakan. Kata dasarnya *addaba* bermaksud mendidik dan mengajar adab atau akhlak. Hal ini disokong pula oleh pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1980) yang menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Tegasnya, menurut perspektif Islam, pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakhlaq dan bermoral (Azhar Ahmad 2006).

Pelaksanaan kurikulum Pengajaran Akhlak boleh dilihat menerusi perkembangan pendidikan Islam di negara ini yang dapat membantu dalam membentuk jati diri Melayu muslim. Terdapat tiga jenis sistem pendidikan Islam. Setiap jenis tersebut boleh diringkaskan seperti berikut. Jenis **pertama** merupakan pembelajaran di rumah guru. Menurut Abdullah Ishak (1995), struktur dan kurikulum pendidikan Islam di rumah guru pada zaman Kerajaan Melayu Melaka lebih menekankan kepada pengajian membaca al-Quran, di samping ilmu lain yang berkaitan dengan keagamaan seperti tawhid, fiqh, tasawwuf, sejarah Islam dan pengajaran yang mendatangkan kebaikan.

Selain pendidikan di rumah guru, jenis **kedua** ialah pengajian di institusi pondok yang dikenali sebagai pendidikan tradisional dan merupakan pendidikan Islam yang tertua dan berpengaruh dalam melahirkan pelajar berpengetahuan agama, berakhhlak tinggi serta dapat membimbing masyarakatnya (Ghazali Basri 1991). Sebenarnya istilah “pondok” berasal daripada perkataan Arab, *funduq* yang bermaksud rumah-rumah kecil tempat tinggal, untuk empat hingga lima orang pelajar bagi setiap buah rumah. Pondok-pondok itu didirikan atas usaha alim ulama dan masyarakat tempatan. Matlamat utama penubuhan institusi pondok ialah melahirkan masyarakat yang dapat menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna. Justeru, kurikulum pengajian pondok lebih menumpukan kepada bidang keagamaan dan pengajarannya lebih bersifat penghafalan dan pemahaman (Sufean 1996).

Selain itu, yang **ketiga** pula ialah sistem pendidikan berkonsepkan sistem madrasah yang lebih sistematik dan formal. Ia merupakan satu alternatif yang menarik perhatian masyarakat Melayu kerana taraf pelajaran di madrasah adalah tinggi dan kurikulumnya bersifat lebih komprehensif kerana telah dimasukkan beberapa mata pelajaran lain dalam pendidikan Islam. Ini sesuai kerana Kaum Muda ketika itu berpendapat bahawa umat Islam tidak seharusnya mementingkan akhirat semata-mata, tetapi perlu maju dalam aspek sosioekonomi dan politik agar menjadi umat yang berdaya saing dan progresif. Pertumbuhan madrasah sesungguhnya bagai cendawan disebabkan anggapan bahawa sistem pondok tidak mampu berkembang mengikut kehendak dan keperluan dalam kehidupan serba moden (Suzalie Mohamad 2003).

Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa kemunculan madrasah tidak melupuskan atau melemahkan sistem pondok yang sedia ada; kedua-duanya ingin mengukuhkan kedudukan pendidikan Islam di Tanah Melayu. Bahkan, kedua-dua sistem pondok dan madrasah memainkan peranan penting dalam memelihara jati diri orang Melayu dan menyediakan orang Melayu dengan teras pendidikan Islam. Sesetengah cendekiawan berpandangan bahawa intipati institusi pondok untuk masyarakat Melayu boleh diterangkan dari sudut budaya pendidikan dalam masyarakat Melayu Islam (Adnan Yusopp 2002).

Sepanjang pelaksanaan kurikulum akhlak dalam Pendidikan Islam (sebelumnya disebut Pengetahuan Agama Islam), pemantauan tentang keberkesanannya mata pelajaran ini sentiasa diusahakan. Dapatan kajian itu terkandung dalam *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979*, antaranya ialah: “Mutu” pelajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan (Perkara “129”) (Kementerian Pelajaran Malaysia 2001).

Setelah negara mencapai kemerdekaan, institusi madrasah (dikenali juga sebagai sekolah agama atau sekolah Arab) berterusan menghadapi cabaran. Ini kerana Akta Pelajaran 1961 (yang berasaskan kepada Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960), yang membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan kebangsaan telah memasukkan Pendidikan Agama Islam sebagai satu mata pelajaran ke dalam kurikulum sekolah kerajaan. Sekaligus keadaan ini melemahkan kedudukan sistem madrasah, lebih-lebih lagi dasar pendidikan kebangsaan memberikan gambaran bahawa prospek kerjaya atau jaminan ekonomi adalah lebih baik bagi lulusan sekolah kerajaan berbanding dengan lulusan madrasah (Mohd. Yunus Noor 1990).

OBJEKTIF PENGAJARAN AKHLAK

Terdapat enam objektif pengajaran akhlak yang dapat membentuk masyarakat terutamanya para pelajar dalam meningkatkan keimanan mereka kepada Allah SWT dan juga keprahatinan mereka kepada keadaan alam sekitar iaitu: (1) menumbuhkan rasa kasih sayang kepada mahasiswa, (2) mencegah diri dari kebinasaan dan keburukan serta hal-hal yang bertentangan dengan agama, (3) memelihara roh kebaikan dan toleransi dalam kalangan mahasiswa, (4) membiasakan mahasiswa supaya percaya akan jati diri mereka dan melahirkan sifat sabar dalam menghadapi musibah, (5) menghilangkan kerendahan akhlak yang buruk bagi mahasiswa (6) mendatangkan keutamaan akhlak yang baik bagi mahasiswa (Halim Tamuri 2007).

AKHLAK DALAM AGAMA ISLAM

Pendidikan akhlak dalam bahasa Arab disebut sebagai ‘khuluq’ yang bermaksud perangi, tabiat dan budi pekerti. Selain itu, akhlak juga bermaksud kebiasaan, maruah dan agama. Akhlak dari segi istilah pula didefinisikan sebagai perilaku yang meresap ke dalam jiwa seseorang. Jika yang terbit dari perilaku itu perbuatan yang elok dan terpuji menurut ukuran akal maupun syarak, itulah yang dinamakan sebagai akhlak yang baik. Tetapi jika sebaliknya, perilaku itu dinamakan sebagai akhlak yang keji (Halim Tamuri 2007)

Boleh dikatakan semua agama yang ada di dunia ini mengandungi ajaran yang bersangkut paut dengan akhlak dan budi pekerti. Tidak kira sama ada agama itu agama dari langit seperti Yahudi, Nasrani dan Islam atau agama-agama lain. Semua agama menganjurkan ke arah berakhlek dan beradab mulia.

Akhhlak mendapat kedudukan yang tinggi dalam Islam. Bahkan Islam telah mengutuskan Nabi Muhammad saw sebagai contoh teladan yang utama kepada manusia. Ini jelas dari sabda Baginda saw: ‘Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia’ (Halim Tamuri 2007).

Daripada keterangan hadis-hadis tersebut dapatlah dilihat dengan jelas betapa eratnya perhubungan agama, iman dan akhlak, seolah-olah tidak ada perpisahan sama sekali. Jika dipisahkan juga, akan rosaklah agama dan pupuslah iman serta akan hancurlah akhlak. Dengan kata lain, orang yang tidak berakhhlak adalah orang yang tidak beriman dan tidak beragama (Amir 1990).

Oleh sebab itu, Islam menitikberatkan pengajaran akhlak. Akhlak mendapat kedudukan yang tinggi di dalam Islam kerana para Rasul terdahulu telah memikul tugas memperbaiki akhlak. Maka Islam telah menyusun dengan begitu rapi kaedah dan sistem akhlaknya sehingga tidak dapat ditandingi oleh agama yang lain di dunia ini. Justeru itu, terdapat empat konsep yang boleh kita lihat dalam melaksanakan pengajaran akhlak antaranya:

Konsep Baik dan Jahat: Akhlak yang mulia adalah himpunan sifat-sifat yang mulia dan terpuji pada individu itu sendiri. Ia menjadi asas perhubungan manusia dan menjamin keamanan hidup bermasyarakat. Sebaliknya akhlak yang jahat adalah hasil daripada budi pekerti buruk. Ia dapat dilihat dengan tindakan individu itu sendiri yang bertentangan dengan adat tatasusila manusia dan masyarakat.

Jiwa dan Kehendaknya: Jiwa belum lagi dapat dikatakan baik atau buruk selama ia masih di dalam keadaan sebagaimana asalnya. Sebenarnya, jiwa adalah sesuatu kekuatan yang dapat digunakan untuk menuju ke arah kebaikan.

Garis-garis Budi Pekerti: Allah SWT telah menggariskan ketentuan-ketentuan budi pekerti yang harus dilalui oleh setiap orang. Garis-garis itu tercantum dalam al-Quran dan hadis yang menjadi panduan dan penghayatan manusia untuk menentukan konsep baik dan buruk.

Beberapa Perbuatan yang Bernilai Baik dan Buruk: Akhlak yang baik bukan sahaja penting dalam hubungan sesama manusia dan Tuhan malah dengan alam sekitar juga. Islam sangat menyanjungi manusia yang berakhhlak mulia. Rasulullah saw menganggap orang yang berakhhlak mulia sebagai orang yang paling baginda kasih dan akan duduk bersama-sama dengan para sahabat pada hari kiamat nanti (Amir Rahman 1990).

Oleh itu, keempat-empat konsep ini harus diterapkan dalam jiwa dan diri manusia agar terbentuk akhlak yang mulia dan mengenali jati diri sebagai seorang Melayu-muslim. Ini semua adalah dituntut dalam semua agama.

PENGAJARAN AKHLAK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Di Malaysia, persoalan pengajaran akhlak diberi perhatian terutamanya dalam pendidikan kebangsaan. Untuk merealisasikan tujuan ini, maka pelajar Islam diwajibkan mengikuti subjek Pendidikan Islam. Selain itu, pelajar bukan Islam akan dikehendaki mengikuti Pendidikan Moral.

Kepentingan komponen akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah-sekolah kerajaan diberi penekanan lagi apabila ia diwajibkan ke atas semua murid Islam dan dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah pada tahun 1962, dengan masa yang diperuntukkan ialah dua jam seminggu. Dari sudut kandungan kurikulumnya pula, ia hampir serupa dengan apa yang diamalkan di kebanyakan negara Islam. Kurikulum ini juga mengandungi pengajian al-Qur'an yang merupakan komponen asas di samping hadis dan mata pelajaran tauhid, fiqah, akhlak, tulisan, tata bahasa Arab, kesusasteraan dan sejarah. Sesungguhnya perlu ditegaskan bahawa Pendidikan Agama Islam diadakan di sekolah kerajaan bagi menjamin hala tuju pendidikan Islam bukanlah untuk mengenepikan sistem pondok dan madrasah atau sekolah agama. Demi pendidikan Islam, semua sistem pendidikan yang terlibat dengannya ada kelebihan masing-masing dan patut dimanfaatkan oleh semua pihak (Asmawati Suhid 2005).

Pada tahun 1989 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilaksanakan sepenuhnya di tingkatan satu dan seterusnya dilaksanakan secara berperingkat sehingga ke tingkatan lima. Kurikulum Pendidikan Islam telah disemak semula bermula dari tahun 2000 dengan membuat beberapa penambahbaikan. Kurikulum semakan ini telah dilaksanakan pada tahun 2003 di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia.

Pendekatan Islam dalam pendidikan akhlak amat menekankan kepada penanaman akidah atau rohani. Ini kerana, akidah merupakan teras Islam yang utama. Daripada perbincangan di atas jelas bahawa pendidikan tidak boleh dipisahkan daripada nilai akhlak dan moral. Di dalam Islam pula, agama itu adalah akhlak. Sebagaimana hadis Rasulullah saw yang bermaksud: "Agama itu nasihat" (Sahih Muslim, Jilid 1, Bil: 43). Justeru itu, pendidikan akhlak merupakan komponen penting dan tidak boleh dipisahkan daripada kurikulum pendidikan Islam secara khususnya dan pengajaran Islam umumnya (Kamal Hassan 1986).

Matlamat yang hendak dicapai menerusi pengajaran pendidikan Islam adalah untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai ciri-ciri berikut:

Mantap serta kukuh iman dan taqwa sebagai benteng ketahanan diri, menguasai ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah sebagai pedoman dan amalan hidup serta bertanggungjawab dalam ibadah dan berakhlek mulia sebagai pelengkap hidup.

Sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM 2002, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sistem dan kurikulum pendidikan sentiasa bersifat dinamik. Tiada kurikulum yang berkekalan. Ia sentiasa disemak dan mengalami perubahan. Begitu juga halnya dengan Pendidikan Islam kerana pada 1996 keputusan telah dibuat untuk menyemak kurikulum mata pelajaran itu. Sekali lagi, pada tahun 1998 kurikulum Pendidikan Islam mengalami perubahan demi mencapai matlamat yang diinginkan semaksimum mungkin. Ia dibahagikan kepada tiga komponen iaitu pertama, Tilawah al-Quran yang menumpukan kepada membaca dan menghafal ayat-ayat al-Qur'an mengikut hukum tajwid, memahami pengertian, pengajaran dan hikmat serta menghayatinya. Kedua, Ulum Syariah yang menumpukan kepada pemantapan aqidah, ibadah dan meneladani sirah Rasulullah saw serta Tamadun Islam. Akhir sekali, Pendidikan Akhlak Islamiah yang berfokus kepada pembentukan peribadi pelajar ke arah tingkah laku muslim mukmin melalui pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan dan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah SWT, diri, keluarga, masyarakat, negara dan alam sekitar. Setelah kurikulum Pendidikan Islam dilaksanakan selama tiga tahun, suatu semakan semula telah dilakukan ke atas Pendidikan Akhlak Islamiah.

Tentang pengajaran dan penerapan nilai murni atau akhlak dalam kurikulum Pendidikan Menengah, pemupukan nilai akhlak ke dalam jati diri pelajar telah berlaku sejak bermulanya perkembangan Islam di negara ini. Hakikat ini dinyatakan oleh Ghazali Basri (1991) yang berpendapat bahawa pengajian pondok berpengaruh untuk melahirkan pelajar yang arif dalam hukum agama, mempunyai akhlak dan adab yang tinggi serta dapat membimbing masyarakat. Usaha murni ini diteruskan sehingga KBSM diperkenalkan. Namun, perlu ditegaskan bahawa penerapan dan pendidikan akhlak dalam Pendidikan Islam adalah berpegang dan berpandukan cara (uslub) dan etika dakwah daripada al-Quran serta teladan daripada Rasulullah saw dan para sahabat (Azhar Ahmad 2006).

Kurikulum Pendidikan Islam telah dipertingkatkan lagi apabila Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan. Peningkatannya boleh dilihat dari segi status dan sukanan pelajaran berbanding Kurikulum Lama Sekolah Menengah. Dalam KBSM, Pendidikan Islam terdiri daripada Pendidikan Islam Teras dan Pendidikan Islam Elektif. Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran terbahagi kepada dua bidang iaitu bidang Tilawah al-Quran yang menekankan aspek bacaan dan hafazan. Bagi bidang Ulum Syariah pula ia menekankan aspek aqidah, ibadah dan sirah serta cara hidup Islam. Akhir sekali, Pendidikan Akhlak Islamiah yang berfokus kepada pembentukan jati diri pelajar ke arah tingkah laku muslim melalui pengetahuan dan pemahaman. Selain itu juga ia merupakan peraturan dan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah SWT, keluarga, masyarakat, negara dan alam sekitar (Asmawati 2009). Dari segi masa pengajaran dan pembelajaran, Pendidikan Islam KBSM juga memperlihatkan peningkatan iaitu bagi peringkat menengah rendah ialah 240 minit atau enam kali seminggu. Bagi peringkat menengah atas pula peruntukan masa ialah 160 minit atau empat kali seminggu (Kementerian Pelajaran Malaysia 2002).

Setelah kurikulum Pendidikan Islam dilaksanakan selama tiga tahun, suatu semakan semula telah dilakukan ke atas Pendidikan Akhlak Islamiah. Beberapa perubahan telah dilakukan terhadap kandungan kurikulum Pendidikan Akhlak Islamiah. Komponen itu kini dinamakan sebagai Adab dan Akhlak Islam (AAI) dalam Pendidikan Islam KBSM bermula pada tahun 2003. Ia merupakan suatu usaha untuk mempertingkat dan mengemas kini lagi pengajaran dan pembelajaran akhlak di sekolah. Dari sudut strukturnya, pembentukan kandungan dalam komponen AAI berteraskan kepada empat aspek hubungan iaitu hubungan diri sendiri, individu lain, alam sekitar dan negara serta Rasul dan Pencipta. Daripada teras ini maka sebanyak enam bidang pembelajaran telah digariskan iaitu: (1) adab dalam kehidupan seharian; (2) adab dalam kehidupan bersosial; (3) adab dalam menunaikan ibadah; (4) adab terhadap ibu bapa dan keluarga; (5) adab menuntut ilmu; dan (6) adab terhadap Allah dan Rasul (Asmawati Suhid 2005).

Berdasarkan ciri kandungan AAI dan matlamat Pendidikan Islam di atas jelas bahawa selain mempelajari komponen lain dalam Pendidikan Islam adalah diharapkan juga pengajaran Adab dan Akhlak Islam dapat membentuk pelajar yang mampu mengharungi cabaran nilai-nilai dari luar menerusi iman dan taqwa yang mantap. Seseorang intelektual muslim dapat merealisasikan tanggungjawab sebagai *abid* kepada Allah SWT dan memberi sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan ummah. Seterusnya penguasaan dan penghayatan ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah akan dapat membentuk jati diri Melayu muslim yang berminda kelas pertama seperti mana yang diharapkan oleh kerajaan (Abdullah Ishak 1995).

Selain itu, AAI mesti menjadi induk utama kepada nilai-nilai materialisme, sekularisme, sainstisme dan sensateisme. Oleh itu, dengan penuh harapan ia perlu menggunakan nilai-nilai yang telah diislamisasikan untuk kesejahteraan masyarakat dan persaudaraan manusia sejagat. Begitu juga diharapkan pelajar yang berakhlak dan beradab boleh bertindak dalam semua keadaan dengan berkesan (Kamal Hasan 1987).

Penampilan diri guru di sekolah memainkan peranan yang penting dalam menerapkan nilai-nilai akhlak Islam. Dalam hal ini, guru atau pendidik perlu bertindak sebagai *role model* dan mengamalkan nilai-nilai moral dan adab yang baik untuk diteladani oleh pelajar. Sesungguhnya guru adalah pendakwah yang paling berkesan. Guru tidak hanya menyampai fakta dan pengetahuan tetapi menekankan makna kemanusiaan dan teknologi di kalangan pelajar agar dapat menghadapi cabaran dan menangani zaman globalisasi dengan jayanya (Ghazali Basri 1991).

HALA TUJU PENGAJARAN AKHLAK DAPAT MEMBENTUK JATI DIRI MELAYU MUSLIM

Sistem Pengajaran Akhlak yang telah digariskan dalam al-Quran dan as-Sunnah mampu menyempurnakan akal manusia dalam membina jati diri muslim. Jati diri yang diterapkan melalui pengajaran akhlak merupakan kepercayaan, sikap dan pendapat yang tersusun dan dinamik yang dipegang oleh masyarakat. Oleh itu, akhlak yang baik ialah yang berpaksikan kepada keimanan dan ketauhidan yang mutlak. Justeru itu, jelaslah bahawa akhlak mulia adalah mata rantai keimanan. Sebagai contoh ‘malu berbuat jahat’ adalah salah satu akhlak yang bermatlamatkan takwa (Marwan Ibrahim 1997).

Terdapat beberapa perkara yang membantu para pelajar dan masyarakat Melayu dalam pengajaran akhlak bagi membentuk jati diri muslim antaranya ialah:

Menanam Akhlak yang Baik dalam Diri. Tumpuan pengajaran dan pembelajaran (P&P) akhlak yang baik dan sempurna dapat ditanam dalam pemikiran, hati dan diri pelajar yang seterusnya dapat menjauhkan mereka daripada akhlak yang keji. Kesungguhan Islam menanam sifat akhlak Islamiyyah ini adalah kerana dengan akhlak yang terpuji lagi sempurna merupakan kunci kebaikan bagi manusia. Ini jelas menunjukkan kepentingan P&P akhlak kepada para pelajar. Akhlak yang buruk dalam diri seorang muslim menjadikan seseorang itu seperti duri dalam daging terhadap keluarga, masyarakat, agama dan negara (Mursa 2001).

Kaedah atau Teknik Uswah Hasanah. Kaedah atau teknik uswah hasanah bererti contoh atau ikutan. Teknik ini adalah antara teknik yang utama dalam Pendidikan Islam terutama dalam konteks akhlak kerana sesuatu pendidikan pembangunan insan boleh mencapai kejayaan yang baik. Model yang terbaik ialah model insan yang di firman oleh Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21, iaitu model Rasulullah saw merupakan ikutan yang utama. Oleh itu, keberkesanan P&P dalam bab akhlak perlulah ditunjukkan terlebih dahulu oleh para pendidik menerusi subjek Pendidikan Islam.

Berdasarkan pentingnya kaedah atau teknik ini dalam Pendidikan Islam dan Akhlak Islamiyyah, sebanyak 631 petikan hadis yang dibawakan oleh Imam al-Nawawi yang digunakan dalam *Kitab Riyad al-Solihin* adalah teknik ini (Azhar Ahmad 2006).

Membentuk Muslim yang Terbaik. Menurut al-Ghazali manusia itu ibarat sepohon pokok dengan akarnya akidah, batangnya ialah kefardhuan dan daun-daunnya pula ialah amalan sunat, maka buah atau bunganya ialah yang dikatakan akhlak. Oleh sebab itu, membentuk jati diri manusia yang berakhhlak dalam Islam bermaksud orang yang menyempurnakan agama Islam itu sendiri. Ini kerana akhlak melambangkan keindahan Islam itu sendiri.

Kejayaan membiasakan diri dengan akhlak yang mulia merupakan lambang kepada kejayaan pendidikan akidah dan ibadah. Berjaya kerana iman melambangkan kepercayaan sedangkan ibadah lambang kepatuhan atau ketundukan. Manakala akhlak pula lambang kepatuhan tabiat dan kebiasaan (Halim Tamuri 2007).

Melindungi Lima Dasar Utama Islam. Terdapat tiga pembahagian utama yang perlu dilindungi oleh ilmu pengajaran akhlak Islam iaitu: (1) Suruhan yang mesti dilakukan dengan tegahan yang mesti ditinggalkan iaitu *wajib* dan *haram*; (2) Suruhan yang sangat patut dilakukan dan tegahan yang sangat baik ditinggalkan iaitu *sunat* dan *makruh*; dan (3) Sesuatu yang boleh dibuat dan yang boleh ditinggalkan iaitu *harus*.

Inilah lima pembahagian kecil dasar Islam yang perlu dilindungi oleh akhlak manusia dalam membentuk jati diri Melayu muslim. Memandangkan bahawa akhlak berkait rapat dengan dasar-dasar tersebut sebagai teras kepada kehidupan beragama. Setiap detik dan tingkah laku manusia tidak boleh terkeluar daripada dasar tersebut. Begitu juga hubungan kita sesama manusia, Allah SWT dan alam sekitar.

RUMUSAN

Dalam konteks dunia global yang penuh persaingan ini, perbincangan di atas memperlihatkan betapa pentingnya pengajaran akhlak dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pendidikan Islam yang secara langsung berperanan mendidik dan membentuk jati diri Melayu muslim yang berakhhlak dan beriman. Ini kerana subjek pendidikan Islam sentiasa mengalami perubahan demi penambahbaikan dan peningkatan keberkesanannya dalam pengajaran akhlak.

Ini jelas menunjukkan pengajaran akhlak dan moral yang dilaksanakan perlu dikaitkan dengan nilai Islam khususnya dan nilai agama amnya. Tanpa ikatan ini, insan yang bakal dilahirkan pasti tidak mempunyai kekuatan rohani dan mudah dihanyutkan oleh arus pemodenan yang bercanggah dengan prinsip Islam.

Selain itu, pengajaran akhlak perlu mengambil suatu langkah yang lebih menyeluruh bagi menilai aspek penghayatan pelajar dari segi akhlak dan moral. Suasana yang kondusif ke arah pembentukan akhlak dan moral yang baik perlu diwujudkan di sekolah, dalam keluarga dan masyarakat. Hanya dengan suasana yang saling menyokong ini sahaja, para pelajar yang berakhhlak dan bermoral dapat dilahirkan.

Sesungguhnya kejayaan seseorang pelajar dalam membentuk jati diri yang baik bergantung kepada pencapaian akademik dan kemuliaan akhlak dan moral. Tumpuan hendaklah tidak hanya kepada akademik sahaja, bahkan juga kepada aspek akhlak dan moral. Akhirnya untuk menjayakan hasrat murni bagi membentuk jati diri pelajar muslim, penggembangan usaha dan komitmen dari pelbagai pihak sangat diperlukan. Tanggungjawab kedua-dua aspek dalam kehidupan manusia iaitu *amal makruf nahi mungkar* perlu dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Halim Tamuri dan Kamarul Azmi. 2007. *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Ab Halim Tamuri. 2007. Islamic Education Teachers' Perceptions of the Teaching of Akhlaq in Malaysian Secondary Schools. *Jurnal of Moral Education*. 36(3).

- Adnan Yusopp. 2002. Kurikulum baru pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia menghadapi era globalisasi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1).
- Amir Rahman. 1990. *Pengantar Tamadun Islam*. Dewan Bahasa dan Pusaka Kuala Lumpur: Pantas Set Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid. 2005. Pemantapan Adab dan Akhlak Islam Dalam Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes Di Selangor. *Jurnal CITU (Centre for Islamic Thought And Understanding)* UITM.
- Asmawati Suhid. 2005. Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak pelajar Sekolah Menengah. Tesis PhD Pendidikan Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Langgulung. 1987. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamal Hassan. 1986. *Penyerapan unsur-unsur Islam melalui sistem pendidikan negara: Isu Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010*. Kuala Lumpur: AG Grafik Sdn. Bhd.
- Marwan Ibrahim al-Kaysi. 1997. *Adab Sopan dan Budi Pekerti dalam Islam*. (Terj.) Hussin Salomon dan Mohd Nasir Ripin. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yunus Noor. 1995. Seminar Kebangsaan Penilaian Pelaksanaan KBSR, 21- 25 Mei. Genting Highland, Institut Aminuddin Baki.
- Mursa Muhammad Said. 2001. *Fan Tarbiyyah al-Aulad fi al-Islam*. Juz 1-2. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Suzalie Mohamad. 2003. *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

